

## **KERAJAAN NEGERI KELANTAN**

### **ARAHAN PENGARAH TANAH DAN GALIAN, KELANTAN BILANGAN 4/2009**

#### **GARIS PANDUAN PENGURANGAN JUMLAH BAYARAN TAMBAHAN (DENDA) KE ATAS CUKAI TANAH TERTUNGGAK DI BAWAH KAEDEAH 17A, KAEDEAH-KAEDEAH TANAH KELANTAN 1966**

---

---

Arahan ini dikeluarkan untuk memaklumkan kepada semua Pentadbir Tanah mengenai garis panduan pengurangan jumlah bayaran tambahan (denda) ke atas cukai tanah tertunggak selaras dengan pemakaian Pekeliling Pengarah Tanah dan Galian bil.2/2009.

2. Garis panduan pengurangan jumlah denda ke atas cukai tanah tertunggak adalah sebagaimana berikut:-

- (a) Cukai tanah tertunggak hendaklah dibayar sepenuhnya.
- (b) Jumlah denda ke atas cukai tanah tertunggak melebihi RM1,000.00 atau tempoh tertunggak melebihi 3 tahun.
- (c) Kadar pengurangan jumlah denda yang boleh dipertimbangkan oleh Pengarah Tanah dan Galian Kelantan adalah seperti berikut:-

<b><u>JUMLAH DENDA</u></b>	<b><u>KADAR PENGURANGAN</u></b>
RM1,000.00 dan ke atas tetapi kurang daripada RM2,000.00.	10%
RM2,000.00 dan ke atas tetapi kurang daripada RM4,000.00.	20%
RM4,000.00 dan ke atas tetapi kurang daripada RM6,000.00.	30%
RM6,000.00 dan ke atas tetapi kurang daripada RM10,000.00	40%
RM10,000.00 dan ke atas	50%

- (d) Setiap permohonan rayuan hendaklah dikemukakan kepada Pengarah Tanah dan Galian untuk kelulusan.
- (e) Pemohon hendaklah mengemukakan alasan bertulis berserta dengan bukti-bukti yang jelas semasa membuat permohonan rayuan pengurangan jumlah denda ke atas cukai tanah tertunggak.
- (f) Bagi mana-mana tanah yang telah dikeluarkan notis 6A di bawah Seksyen 97 Kanun Tanah Negara 1965, pengurangan jumlah denda tidak boleh dipertimbangkan.
- (g) Rayuan hendaklah menggunakan format borang di lampiran berkembar.
- (h) Pertimbangan pengurangan jumlah denda juga boleh dipertimbangkan berdasarkan jumlah denda lebih daripada satu hakmilik mengikut budi bicara pengarah Tanah dan Galian Kelantan.
- (i) Bayaran memfail permohonan dikenakan bagi setiap rayuan mengikut kadar yang ditetapkan dalam Kaedah 21, Kaedah-Kaedah Tanah Kelantan 1966.
- (j) Permohonan rayuan kali kedua dan seterusnya ke atas hakmilik yang sama yang telah diberi pengurangan jumlah denda tidak akan dipertimbangkan.
- (k) Bagi mana-mana tanah yang sedang dalam proses menuntut pusaka semasa permohonan dibuat (dengan pembuktian), pengurangan jumlah denda boleh dipertimbangkan sehingga 100 peratus mengikut budi bicara Pengarah Tanah dan Galian Kelantan.

3. Arahan ini hendaklah dibaca bersama dengan Pekeliling pengarah Tanah dan Galian bil. 2/2009. Arahan ini berkuatkuasa serta-merta.

.....t.t.....  
**(DATO' HJ. KAMARUDDIN BIN HJ. AWANG)**  
**PENGARAH TANAH DAN GALIAN**  
**KELANTAN.**

**KEPADA:**

Yang Amat Berusaha  
Semua Pentadbir Tanah  
**Negeri Kelantan**

**SALINAN KEPADA:**

1. YAB. Tuan Guru Dato' Menteri Besar Kelantan.
2. YB. Dato' Timbalan Menteri Besar Kelantan.
3. YB. Dato' Setiausaha Kerajaan Kelantan.
4. YB. Dato' Pegawai Kewangan Negeri Kelantan.
5. YB. Penasihat Undang-Undang Negeri Kelantan.
6. YBrs. Ketua Audit Negeri Kelantan.
7. YBrs. Setiausaha Majlis Mesyuarat Kerajaan Kelantan

**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN**  
**NEGERI KELANTAN**  
**BLOK 3, KOTA DARULNAIM**  
**15576 KOTA BHARU.**

**FAIL : PTG.KN.3269 JLD.3 (15)**  
**BERTARIKH : 2 JAMADILAWAL 1430 H**  
**27 APRIL 2009**

**Lampiran**

**NO. FAIL :**

**RAYUAN PENGURANGAN JUMLAH BAYARAN TERTUNGGAK TAMBAHAN**  
**(DENDA) KE ATAS CUKAI TANAH TERTUNGGAK**

**1. PERIHAL TUAN TANAH DAN PEMOHON:**

**1.1 Nama Pemilik Tanah dan : .....**

**Bahagaian**

**1.2 Nama Pemohon : .....**

**1.3 No. K/P Pemohon ; .....**

**1.4 Alamat Pemohon : .....**

**2. PERIHAL TANAH:**

**2.1 Jenis dan No. Hakmilik : .....**

**2.2 No. Lot/ PT : .....**

**2.3 Mukim : .....**

**2.4 Syarat Nyata : .....**

**3. PERIHAL CUKAI TANAH:**

**3.1 Cukai Tahunan** : .....

**3.2 Jumlah Cukai Tertunggak** : .....

**3.3 Jumlah Bayaran Tambahan (Denda)** : .....

**3.4 Tempoh Masa Tertunggak** : .....

**4. ULASAN RAYUAN:**

.....  
.....  
.....  
.....

**5. ULASAN PENOLONG PENGARAH (HASIL)**

.....  
.....  
.....  
.....

Dipanjangkan ulasan ini untuk **pengesyoran** Timbalan Pengarah Tanah dan Galian Kelantan.

---

(Tandatangan dan Cop Jawatan)

Tarikh : \_\_\_\_\_

6. **PENGESYORAN TIMBALAN PENGARAH TANAH DAN GALIAN:**

Disyorkan \* **LULUS/TOLAK**

Dipanjangkan pengesyoran ini untuk pertimbangan kelulusan Pengarah Tanah dan Galian Kelantan.

---

(Tandatangan dan Cop Jawatan)

Tarikh : \_\_\_\_\_

7. **KEPUTUSAN PENGARAH TANAH DAN GALIAN KELANTAN:**

\***LULUS/TOLAK**

---

(Tandatangan dan Cop Jawatan)

Tarikh : \_\_\_\_\_